



KENYATAAN MEDIA  
26 MAC 2025

## **ST Seru Orang Ramai Utamakan Keselamatan Elektrik dan Gas di Musim Perayaan**

**Putrajaya, 26 Mac 2025** – Menjelang sambutan Hari Raya Aidilfitri tidak lama lagi, pihak Suruhanjaya Tenaga (ST) ingin mengingatkan orang ramai agar mengutamakan keselamatan elektrik dan gas dengan mengamalkan pesanan-pesanan keselamatan berikut:

### **Keselamatan Elektrik**

1. Pastikan pendawaian elektrik di rumah selamat dengan cara:
  - a. Uji Peranti Arus Baki (PAB) dengan menekan butang uji 'T' sekurang-kurangnya sekali sebulan. Jika PAB berfungsi dengan baik, ia akan terpelantik dan bekalan elektrik akan terputus serta-merta; dan
  - b. Dapatkan perkhidmatan kontraktor elektrik yang berdaftar dengan ST untuk menggantikan PAB sekiranya PAB tidak berfungsi.
  
2. Selain daripada itu, sila pastikan:
  - a. Wayar kelengkapan elektrik tidak koyak atau terdedah sebelum digunakan;
  - b. Guna kelengkapan elektrik dan lampu hiasan dengan label keselamatan ST-SIRIM;
  - c. Tangan dalam keadaan kering semasa menggunakan kelengkapan elektrik; dan
  - d. Suis dan kelengkapan elektrik yang tidak digunakan di rumah dimatikan sekiranya anda pulang ke kampung atau bercuti.

---

### **MENGENAI SURUHANJAYA TENAGA**

Suruhanjaya Tenaga (ST) merupakan badan kawal selia yang bertanggungjawab untuk mengawal selia sektor tenaga, khususnya industri pembekalan tenaga elektrik dan gas berpaip di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan. Suruhanjaya Tenaga memastikan bahawa pembekalan elektrik dan gas berpaip kepada pengguna adalah terjamin, berdaya harap, selamat dan pada harga yang berpatutan.

3. Elak bebani soket dengan menggunakan kelengkapan elektrik yang berlebihan atau dengan beban yang tinggi.
4. Elak menggantung perhiasan perayaan pada tiang elektrik.
5. Elak menggunakan telefon bimbit semasa ia sedang dicas.

### **Keselamatan Gas**

1. Pastikan dapur gas memasak selamat dengan cara:
  - a. Guna perkakas dapur gas yang mempunyai label keselamatan ST-SIRIM;
  - b. Peka dengan kewujudan bau kebocoran gas di kawasan dapur memasak; dan
  - c. Mengadakan bukaan pengudaraan secukupnya di kawasan dapur memasak dengan membuka tingkap atau pintu ketika memasak.
2. Sekiranya mengesan bau gas, pastikan langkah berikut diambil:
  - a. Buka tingkap atau pintu untuk galakkan pengudaraan di kawasan tersebut;
  - b. Jangan buka atau tutup suis di kawasan tersebut;
  - c. Jangan membawa peralatan atau kelengkapan yang boleh mencetuskan penyalaan atau "*spark*" berhampiran di kawasan dapur memasak; dan
  - d. Cari punca kebocoran gas dengan menggunakan alat pengesan kebocoran gas atau buih sabun dan baiki dengan segera.
3. Jangan tinggalkan dapur gas memasak ketika digunakan tanpa pengawasan sepenuhnya.
4. Dapatkan perkhidmatan kontraktor gas yang berdaftar dengan ST untuk sebarang kerja pembaikan gas berpaip di rumah.

---

#### **MENGENAI SURUHANJAYA TENAGA**

Suruhanjaya Tenaga (ST) merupakan badan kawal selia yang bertanggungjawab untuk mengawal selia sektor tenaga, khususnya industri pembekalan tenaga elektrik dan gas berpaip di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan. Suruhanjaya Tenaga memastikan bahawa pembekalan elektrik dan gas berpaip kepada pengguna adalah terjamin, berdaya harap, selamat dan pada harga yang berpatutan.

5. Pastikan injap silinder gas ditutup sekiranya anda pulang ke kampung atau bercuti.

Pautan bagi mendapatkan perkhidmatan kontraktor elektrik dan kontraktor gas yang berdaftar dengan ST adalah seperti berikut:



**KONTRAKTOR ELEKTRIK**



**KONTRAKTOR GAS**

Untuk maklumat lanjut, sila layari laman sesawang ST di [www.st.gov.my](http://www.st.gov.my) atau hubungi kami di talian 03-8870 8500.

**\*\*\*TAMAT\*\*\***

*Untuk keterangan lanjut, sila hubungi [media@st.gov.my](mailto:media@st.gov.my).*

---






#### **MENGENAI SURUHANJAYA TENAGA**

Suruhanjaya Tenaga (ST) merupakan badan kawal selia yang bertanggungjawab untuk mengawal selia sektor tenaga, khususnya industri pembekalan tenaga elektrik dan gas berpaip di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan. Suruhanjaya Tenaga memastikan bahawa pembekalan elektrik dan gas berpaip kepada pengguna adalah terjamin, berdaya harap, selamat dan pada harga yang berpatutan.




# Tip ⚡

## Keselamatan Elektrik di Musim Perayaan

### Pastikan:-

- 1 Kelengkapan elektrik dan lampu hiasan mempunyai label ST-SIRIM 
- 2 Wayar kelengkapan elektrik tidak koyak atau terdedah sebelum digunakan 
- 3 Tangan kering semasa menggunakan kelengkapan elektrik 
- 4 Kontraktor elektrik yang dilantik berdaftar dengan ST 
- 5 Suis dan kelengkapan elektrik yang tidak digunakan di rumah dimatikan sekiranya anda pulang ke kampung atau bercuti 

### Jangan:-

- 1 Bebani soket dengan kelengkapan elektrik berlebihan atau beban yang tinggi 
- 2 Gantung perhiasan perayaan pada tiang elektrik 
- 3 Gunakan telefon bimbit semasa ia sedang dicas 






Imbas kod QR bagi mendapatkan perkhidmatan kontraktor elektrik yang berdaftar dengan ST

#ThinkSafetyThinkST





## Infografik Tips Keselamatan Elektrik

# Tip Keselamatan Gas di Musim Perayaan


- 1 Pastikan dapur gas memasak selamat dengan cara:

<p>a)  Guna perkakas dapur yang mempunyai label keselamatan ST-SIRIM.</p>	<p>b)  Peka dengan kewujudan bau kebocoran gas di kawasan dapur memasak.</p>
<p>c)  Adakan bukaan pengudaraan secukupnya di kawasan dapur memasak dengan membuka tingkap atau pintu ketika memasak.</p>	

- 2 Sekiranya mengesan bau gas, pastikan langkah berikut diambil:

<p>a)  Buka tingkap atau pintu untuk galakan pengudaraan di kawasan tersebut.</p>	<p>b)  Jangan buka atau tutup suis di kawasan tersebut.</p>
<p>c)  Jangan membawa peralatan atau kelengkapan yang boleh mencetuskan penyalakan atau "spark" berhampiran di kawasan dapur memasak.</p>	<p>d)  Cari punca kebocoran gas dengan menggunakan alat pengesan kebocoran gas atau buih sabun dan balak dengan segera.</p>

- 3 Jangan tinggalkan dapur gas memasak ketika digunakan tanpa pengawasan sepenuhnya. 

- 4 Dapatkan perkhidmatan kontraktor gas yang berdaftar dengan ST untuk sebarang kerja pembaikan gas berpaip di rumah. 

- 5 Pastikan injap silinder gas ditutup sekiranya anda pulang ke kampung atau bercuti. 



Imbas kod QR bagi mendapatkan perkhidmatan kontraktor gas yang berdaftar dengan ST

#ThinkSafetyThinkST

## Infografik Tips Keselamatan Gas